



*Ruj. Tuan :*

*Ruj. Kami :*(9) dlm. PAR. 3/398 Jld.5

25 Mac 2022

**Yang Berhormat  
Ahli-Ahli Dewan Rakyat**

Yang Berhormat,

**PEMBERITAHU MESYUARAT KHAS DEWAN RAKYAT PADA  
11 APRIL 2022**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa bagi faedah orang ramai adalah mustahak Majlis mengadakan satu Mesyuarat Khas sebelum tarikh mesyuarat akan datang yang telah ditetapkan mengikut Peraturan Mesyuarat 11(3) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

3. Oleh yang demikian, saya dengan ini memberi pemberitahu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa Mesyuarat Khas Dewan Rakyat akan diadakan pada **Isnin, 11 April 2022** pukul **10.00 pagi** di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur.

4. Urusan-urusan yang akan dibawa untuk Mesyuarat Khas tersebut adalah Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2022 berkaitan anti lompat parti dan penghadan tempoh jawatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DR. NIZAM MYDIN BIN BACHA MYDIN**  
Setiausaha Dewan Rakyat

s.k : **YB Tan Sri Azhar Azizan Harun**  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat